

MAKLUMAT KEPADA SEMUA AGEN / PENGIMPORT MAKANAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) ada mengenakan beberapa syarat dan keperluan bagi pengimportan beberapa produk makanan tertentu. Bagi memudahkan proses pengimportan makanan oleh pihak tuan / puan, syarat dan keperluan yang digariskan berikut perlu dipatuhi:-

- a). Bagi pengimportan **keju**, agen / pengimport perlu menyertakan **Sijil Kesihatan** dan **Sijil Analisis (bakteria patogenik *Listeria monocytogenes*)** daripada pihak berkuasa (*competent authority*) negara pengeksport bagi setiap konsainmen berkuatkuasa **1hb. Julai 2008**. **Sijil Analisis yang dikemukakan perlu menyatakan yang analisis yang dijalankan adalah daripada makmal yang diakreditasi dan diiktiraf oleh *competent authority* negara pengeksport.**
- b). Bagi pengimportan **madu**, agen / pengimport perlu menyertakan **Sijil Kesihatan** dan **Sijil Analisis (residu dadah verterinar [Chloramphenicol])** daripada pihak berkuasa (*competent authority*) negara pengeksport bagi setiap konsaimen berkuatkuasa **1hb. Disember 2006**.
- c). Bagi pengimportan **kacang tanah**, agen / pengimport perlu menyertakan **Sijil Kesihatan** dan **Sijil Analisis (kandungan Aflatoksin)** daripada pihak berkuasa (*competent authority*) negara pengeksport bagi setiap konsaimen berkuatkuasa **1hb. Disember 2006**.
- d). Bagi pengimportan **daging, organ dalaman yang boleh dimakan (*edible meat offal*), daging ternakan ayam dan itik (*poultry*),**

organ dalaman ternakan ayam dan itik yang boleh dimakan (*edible poultry offal*), udang (*shrimp & prawns*) dan ketam serta hasil ketam, agen / pengimport perlu menyertakan **Sijil Kesihatan** seperti format yang ditetapkan oleh BKMM daripada pihak berkuasa (*competent authority*) negara pengeksport bagi setiap konsaimen berkuatkuasa **1hb. Januari 2005**, kecuali untuk ketam dan hasil ketam, iaitu pada **1hb. Oktober 2006**.

Untuk maklumat lanjut, pihak tuan / puan bolehlah merujuk kepada ruangan ***Bulletin*** dalam **Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM)**. Sebarang pindaan dan maklumat baru berkenaan sebarang syarat dan keperluan terkini berkenaan pengimportan makanan-makanan tertentu akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui FoSIM.

Jika segala syarat dan keperluan pengimportan bagi makanan-makanan tertentu seperti yang dinyatakan sebelum ini tidak dipenuhi, maka konsaimen makanan yang diimport tersebut akan dikenakan **pemeriksaan tahap 5 / Tahan, Uji & Lepas (Level 5)** dalam FoSIM.

Segala kerjasama daripada pihak tuan / puan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Kementerian Kesihatan Malaysia**

7hb. April 2008